

Empat perantis sahut cabaran di Bahrain

Oleh [Sukhairi Thani](#) - Oktober 28, 2021 @ 4:44pm

sukhairi@bh.com.my



Empat perantis kejuruteraan Malaysia dari Program Perantisan Pemindahan Teknologi (TTAP) mendengar taklimat daripada pasukan.

KUALA LUMPUR: Kejuaraan Endurance Dunia (WEC) 2021 memasuki pusingan kemuncak musim minggu ini di Bahrain dengan empat perantis kejuruteraan Malaysia dari Program Perantisan Pemindahan Teknologi (TTAP) berpeluang menjadi sebahagian daripada pasukan JOTA.

JOTA pada ketika ini sedang memburu gelaran dalam kategori pemandu dan pasukan terbaik dengan dua perlumbaan bakal berlangsung di Litar Antarabangsa Bahrain.

JOTA #28 ORECA 7 yang disertai Sean Gelael, Stoffel Vandoorne dan Tom Blomqvist ketika ini mendahului carta pemandu dan pasukan dengan 89 mata manakala JOTA #48 ORECA 7 (Anthony Davidson, Antonio Felix Da Costa dan) Roberto Gonzalez berada di tangga ketiga, 81 mata.

Persaingan sengit ini pastinya bakal memberi ruang kepada perantis program TTAP untuk memanfaatkan segala kelebihan dimiliki pasukan dengan sebelum ini mereka turut berpeluang terbabit di belakang tabir bersama industri permotoran utama seperti McLaren.

"Perlumbaan ini sangat sengit pada setiap musim bermula daripada sesi latihan bebas, kelayakan dan perlumbaan. Strategi menjadi elemen penting untuk pasukan bersaing memburu kemenangan.

"Saya rasa pasukan ini sangat bersedia untuk memberikan cabaran di Bahrain," kata Pengarah TTAP yang juga pemandu simpanan JOTA, Jazeman Jaafar yang turut menyifatkan program perantis ini sebagai unik.

"Program TTAP ini sangat unik terutama dalam Kejuaraan Endurance Dunia ini. Tidak ada pasukan yang memperkenalkan program perantisan seperti ini yang membenarkan peringkat akses sebegini baik daripada sudut perlumbaan dan juga jurutera prestasi.

"Perantis sudah bekerja dengan baik secara bersama dan mempelajari sehingga peringkat jurutera perlumbaan dan apa yang paling penting, menjadi sebahagian daripada pasukan yang bersaing di WEC.

"Saya berbangga sebagai rakyat Malaysia dan saya mahu menyaksikan lebih ramai rakyat Malaysia berpeluang dan mempunyai kemampuan untuk mencapai tahap sebegini," katanya.